

# 14 sebab pilih Mahathir

JITRA, Rabu — Para pengundi dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu telah dimajukan 14 sebab kenapa mereka harus memilih semula Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi terus memimpin negara.

Antara sebab yang disebutkan ialah Datuk Seri Dr. Mahathir sentiasa berusaha meningkatkan syiar Islam dan berpegang kuat kepada agama di samping usahanya menerokai bidang-bidang tertentu seperti penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, membina pusat dakwah di seluruh negara dan penubuhan Majlis Perukh Islam untuk menasihatkan kerajaan mengenai pembangunan negara.

Perdana Menteri juga disifatkan sebagai tokoh yang disegani oleh

semua parti politik dan juga rakyat kerana kejujuran, kecerdasan, ketegasan, kebersihan dan kebijaksanaannya mengedalikan pentadbiran negara.

Demikian antara kandungan risalah khas keluaran Barisan Nasional Kedah untuk disebarkan di kawasan Kubang Pasu. Risalah dalam tulisan rumi dan Jawi itu disediakan oleh anak-anak Kedah yang tinggal di Kuala Lumpur.

## Menjamin

Sebab-sebab lain ialah Datuk Seri Dr. Mahathir adalah pemimpin yang cekap dalam pentadbiran negara dan mempunyai pandangan jauh dalam membuat dasar menjamin nasib bangsa, agama Islam dan negara.

Pejuang kebangsaan yang tidak mengharapkan kemewahan kebendaan untuk diri sendiri, matlamatnya ialah ber-

khidmat untuk meningkatkan taraf ekonomi, bangsa, agama dan tanahair setanding dengan bangsa-bangsa dan negara-negara maju di dunia.

Menggoncangkan pandangan dunia terhadap Malaysia dengan bertindak tidak menghadiri sidang Komanwel sebab persidangan itu banyak cakap, tidak ada tindakan, menarik balik keutamaan yang diberi kepada firma-firma British, menentukan dasar keutamaan negara kepada negara-negara serantau dan Islam, kemudian baru ke tempat lain.

Menukar haluan dari British dan Amerika kepada Korea dan Jepun, kerana bangsa-bangsa barat itu pemalas, manakala kedua negara timur berdisiplin, tekun dan bekerja kuat seperti dituntut oleh Islam.

Untuk penduduk-penduduk Kubang Pasu sen-

diri, risalah itu menerangkan, jika Datuk Seri Dr. Mahathir dipilih lagi, dengan kedudukan sebagai Perdana Menteri, beliau boleh memberi sumbangan yang amat berkesan khususnya membangunkan Kubang Pasu dan Kedah, amnya.

Jika orang lain yang menang tentulah dia tidak akan menjadi Perdana Menteri dan orang yang dipilih bertindak sebagai pembangkang sahaja, tegas risalah itu.

Kubang Pasu juga menjadi kawasan paling bertuah diwakili oleh Perdana Menteri Malaysia, jika orang lain dipilih sekitarnya tidak akan maju.

Risalah itu menyebut bahawa kandungan pendapat-pendapat tersebut telah pun dikaji dan dibincang dengan teliti tanpa memikirkan kepentingan diri dan parti. — Bernama.